



**UNIT PENJANAAN, SEKSYEN PENJANAAN
BAHAGIAN PEMAJUAN UNIVERSITI
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
54100 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**HEBAHAN TAWARAN KONTRAK MENGURUS PERKHIDMATAN
MAKANAN DAN MINUMAN DI BAWAH UNIT PENJANAAN,
SEKSYEN PENJANAAN, BAHAGIAN PEMAJUAN UNIVERSITI,
JABATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN),
UTM KUALA LUMPUR**

(KAFETERIA MJIIT)

Hebahan dibuka kepada Syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi **Hebahan Tawaran Kontrak Mengurus Perkhidmatan Makanan dan Minuman di UTM Kuala Lumpur**.

Hebahan dikeluarkan mulai **3 Ogos 2026** oleh **Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)**, Universiti Teknologi Malaysia. Permohonan adalah terbuka sehingga **16 Ogos 2026**.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Unit Penjanaan, Seksyen Penjanaan, Bahagian Pemaajuan Universiti, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Kuala Lumpur melalui medium berikut :

Permohonan beserta surat rasmi kepada :

1. Emel rasmi Jabatan iaitu jana.kl@utm.my dengan **"Tawaran Penyewaan Lot Kafetaria MJIIT"** DAN
2. **Unit Penjanaan
Seksyen Penjanaan
Bahagian Pemaajuan Universiti
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia
Aras 16, Bangunan Menara Razak
54100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(u.p. : Pn. Aini Dayana binti Md Ali)**

**Sila rujuk lampiran untuk keterangan lanjut*

Lampiran 1

Unit Penjanaan, Seksyen Penjanaan, Bahagian Pemajuan Universiti, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Kuala Lumpur ingin mempelawa mana-mana syarikat untuk menyertai tawaran Kontrak Mengurus Perkhidmatan Makanan dan Minuman di UTM Kuala Lumpur.

1. Jenis Pengoperasian

- a. Syarikat adalah ditawarkan untuk menyewa **satu (1) Lot** di Kafeteria MJIT bagi jenis Jualan Makanan dan Minuman Sahaja.

2. Tempoh Sewaan

- a. Tempoh kontrak adalah selama (2) tahun dengan opsyen lanjutan (1) tahun berkuatkuasa mulai dari tarikh Surat Setuju Terima yang dikeluarkan oleh pihak Universiti kepada pihak Syarikat dengan syarat Universiti berpuas hati dengan prestasi semasa dalam tempoh percubaan tiga (3) bulan pertama. Sekiranya pihak Syarikat gagal memberikan perkhidmatan yang dipersetujui oleh pihak Universiti dan gagal melaksanakan tanggungjawab menurut keseluruhan syarat-syarat dan Peraturan Kontrak, pihak Universiti berhak menamatkan kontrak dengan hanya memberi notis selama satu (1) bulan. Opsyen lanjutan (1) tahun hendaklah dibuat permohonan secara bertulis kepada pejabat ini selewat-lewatnya (6) bulan sebelum tarikh tamat kontrak.

3. Kadar Sewaan

- a. Kadar sewaan adalah sebanyak RM500.00 sebulan tidak termasuk caj penggunaan utiliti bagi setiap lot.

4. Spesifikasi Sewaan

- a. Waktu operasi adalah bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 4.30 petang setiap hari kecuali semasa cuti umum (tertakluk kepada kelulusan Universiti).
- b. Pihak Syarikat hendaklah menyewa lot sewaan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja.
- c. Semua jenis makanan dan minuman yang tidak halal dilarang dijual sama sekali.
- d. Ubat-ubatan terlarang tidak dibenarkan dijual kecuali makanan atau minuman kesihatan yang diluluskan penjualannya oleh pihak berkuasa kesihatan
- e. Rokok dan bahan yang berkaitan dengan tembakau dilarang dijual sama sekali.
- f. Bagi mengelakkan gangguan kepada persekitaran makmal berhampiran, aktiviti memasak di premis adalah tidak dibenarkan. Pihak Syarikat hanya dibenarkan memanaskan makanan dan minuman siap disediakan menggunakan peralatan elektrik yang diluluskan oleh UTM. Penggunaan dapur gas, tong gas LPG, api terbuka dan sebarang peralatan memasak adalah tidak dibenarkan.

5. **Syarat-syarat**

- a. Pihak Syarikat bertanggungjawab terhadap kebersihan tapak jualan dari sebarang sampah dan sisa makanan.
- b. Pihak Syarikat dikehendaki untuk mendapatkan lesen dan kelulusan dari agensi yang berkaitan sebelum memulakan sebarang kerja dan sebarang kos yang terlibat adalah di bawah tanggungjawab Syarikat.
- c. Pihak Syarikat adalah digalakkan untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada tarikh yang akan ditetapkan sebelum dokumen permohonan dihantar kepada Unit Penjanaan, UTM Kuala Lumpur.

6. **Dokumen** yang perlu disertakan di dalam permohonan (wajib) :

- a. Salinan sijil pemerbadanan/pendaftaran.
 - b. Salinan borang-borang Seksyen 17, 15, 14, 58 dan 236 (3) (termasuk pendaftaran/borang pindahmilik terkini) & Seksyen 51 dan 78 (jika ada).
 - c. Profil syarikat dan penyata kewangan enam (6) bulan terkini.
 - d. Laporan audit syarikat tiga (3) tahun terkini.
 - e. Struktur Pengurusan dan Carta Organisasi.
 - f. Senarai dan gambar pengalaman projek/perniagaan sebelum ini yang berkenaan.
 - g. Jenis makanan/minuman yang bergambar beserta harga.
 - h. Sijil-sijil lain yang berkaitan dan dokumen yang relevan (jika ada).
7. Syarikat hendaklah menyatakan tajuk hebahan yang ingin dipohon secara jelas di penjuru kanan muka hadapan profil Syarikat dan di penjuru kanan muka hadapan sampul surat masing-masing bersama-sama dengan borang permohonan senarai semak yang telah dilengkapkan.
8. Dokumen permohonan boleh dihantar **sepanjang waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat) mulai jam 8.00 pagi hingga jam 4.30 petang** di Pejabat Unit Penjanaan, Seksyen Penjanaan, Bahagian Pemajuan Universiti, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Kuala Lumpur.
(Google Map : <https://maps.app.goo.gl/PVUqkz9v4ssp9Gfy7>)
9. Untuk sebarang pertanyaan hubungi :

**Unit Penjanaan
Seksyen Penjanaan
Bahagian Pemajuan Universiti
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia
Aras 16, Bangunan Menara Razak
54100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
No. Tel. : 03 – 4819 9088**

Lampiran 2

BORANG PERMOHONAN

MAKLUMAT PERMOHONAN	
Nama Pemohon	
Nama Syarikat	
No. Pendaftaran Syarikat	
No. Telefon	
Emel	
Alamat Perniagaan	

SENARAI SEMAK PERMOHONAN		
Bil.	Perkara	Tandakan (/)
	Salinan Sijil Kementerian Kewangan atau salinan SSM	
	Carta Organisasi dan Sejarah Penubuhan syarikat	
	Pengalaman terdahulu syarikat	
	Penyata akaun syarikat (3 bulan terkini)	
	Jenis makanan/minuman berserta harga	
	Dokumen-dokumen berkaitan yang menyokong permohonan (jika ada)	

Saya dengan ini mengesahkan segala maklumat yang telah diberi adalah benar dan pihak Universiti Teknologi Malaysia berhak untuk menarik segala kelulusan yang telah diberikan sekiranya didapati terdapat maklumat palsu yang dikemukakan ketika permohonan ini dibuat.

.....
Nama :
No. KP :
Tarikh :